

15 AUG 2001

Taib-Pilihan raya

KERUSI TAIB DITENTUKAN 21 OGOS

KUCHING, 15 Ogos (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) akan mengumumkan minggu hadapan kerusi yang akan ditandinginya dalam pilihan raya negeri akan datang.

Katanya Majlis Tertinggi PBB akan bermesyuarat pada 21 Ogos ini bagi membincangkan persiapan terakhir untuk pilihan raya itu serta kawasan untuk beliau bertanding.

"Saya tidak akan hadir pada mesyuarat itu. Biasanya saya tidak hadir untuk mengambil bahagian membuat sebarang keputusan yang melibatkan saya. Mereka akan tentukan," katanya kepada pemberita di sini.

Terdapat ura-ura Abdul Taib akan bertukar kerusi dari Asajaya ke mana-mana antara Balingian, Dalat, Serdeng, Belawai dan Matu Daro.

Mengenai pertemuannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mendapatkan pengesahan bagi senarai calon-calon Barisan Nasional, beliau berkata : "Tugas saya ialah menasihatkan Perdana Menteri jika beliau perlukan penjelasan tentang mana-mana bakal calon. Yang lainnya okay."

Ketika ditanya tentang cadangan pemimpin-pemimpin Umno untuk datang ke Sarawak antara lain bagi menyatakan sokongan padu kepada PBB dan BN negeri, Abdul Taib berkata ia amalan biasa dan merupakan teras kepada hubungan rapat antara semua parti komponen BN.

"Umno dan PBB telah menjadi rakan sejak 30 tahun lepas," katanya.

Mengenai calon-calon dari Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), beliau berkata terdapat beberapa perubahan.

Antara yang dikekalkan ialah penyandang kerusi Pending Datuk Sim Kheng Hui, yang juga Menteri Muda Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, serta penyandang kerusi Batu Lintang Chan Seng Khai yang juga Datuk Bandar Kuching Selatan, katanya.

-- BERNAMA

FLL MT MAI